


LAPORAN TAHUNAN 2019



KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi PKNP	2 - 7
Ahli-Ahli Perbadanan PKNP	8
Carta Organisasi PKNP	9
Pengurusan PKNP	10
Laporan Pengurusan	11 - 34
Kalendar Tahun 2018	35 - 38
Laporan Dan Penyata Kewangan	

PERUTUSAN PENGERUSI

Syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah dan kurnia-Nya, saya bagi pihak Ahli-Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan PKNP yang berakhir pada 31 Disember 2019.

Pada keseluruhan tahun 2019, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 4.3% (2018: 4.7%) dengan nilai RM 1.42 trilion pada harga malar dan RM 1.51 trilion pada harga semasa. Prestasi yang lebih rendah ini susulan krisis kewangan global. Malah, faktor penurunan pengeluaran minyak sawit, minyak mentah dan gas asli, serta kejatuhan eksport susulan perang perdagangan Amerika Syarikat (AS) dan China juga mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara.

Sektor Perindustrian

Pihak *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) melaporkan bahawa sektor perindustrian / pembuatan terus menjadi pemacu pembangunan ekonomi Malaysia dengan sebanyak 988 buah syarikat telah membuat pelaburan yang berjumlah RM 82,732.5 juta pada tahun 2019 ini. Dari jumlah tersebut, sebanyak 533 adalah merupakan pelaburan baru yang melibatkan sejumlah RM 45,302.4 juta dan yang selebihnya merupakan pelaburan tambahan bagi tujuan pengembangan operasi dan sebagainya.

Bagi menarik pelaburan asing ke Negeri Pahang, pelbagai usaha promosi telah dilaksanakan dalam tahun 2019. Penganjuran Forum Pelaburan Pahang 2019 di Singapura pada Ogos 2019 telah menghasilkan sebanyak sepuluh (10) Memorandum Persefahaman yang berjumlah RM 1.134 billion. Pada bulan September pula, lawatan kerja Kerajaan Negeri ke China Asean Exposition (CAEXPO) Nanning 2019 telah menyaksikan termeterainya Memorandum Persefahaman dengan enam (6) syarikat dari China yang berjumlah RM 1.386 billion.

Usaha-usaha promosi melalui portal 'One-Stop Agency' (OSA) juga diperkasakan bagi meningkatkan kecekapan peranan OSA dalam memajukan sektor perindustrian Negeri Pahang, PKNP sentiasa berusaha untuk memperbaiki mutu perkhidmatan dari semasa ke semasa.

Sektor Pembangunan Hartanah

Bagi meneruskan keseimbangan pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal di dalam dan luar bandar, PKNP terus memainkan peranannya bagi memandu dan menyelaraskan perancangan dan pembangunan perbandaran Negeri Pahang supaya lebih efisien dan sistematik.

Pada tahun 2019, PKNP meneruskan tumpuan kepada pembangunan satu (1) projek komersial yang merupakan projek sambungan tahun 2018 di samping dua (2) projek sosio-ekonomi yang baru dilancarkan.

Sektor Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan

PKNP melalui Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan (BPKK) lebih memberi fokus kepada mengenal pasti dan membimbing usahawan bumiputera serta membudayakan generasi baru bumiputera ke arah MPPB selari dengan Pelan Strategik PKNP.

Tahun 2018 menyaksikan PKNP terus memainkan peranannya bagi meningkatkan pengetahuan pengurusan dan kemahiran para usahawan bumiputera melalui program-program berikut :-

- a. Program Transformasi Keusahawanan PKNP
- b. Latihan Keusahawanan
- c. Program Pembudayaan Keusahawanan
- d. Program Pembangunan Komuniti
- e. Program Pembangunan Usahawan Tenun

Sektor Korporat (Komersial)

Sektor korporat berperanan penting terutamanya dalam menyumbang penjanaan sumber ekonomi PKNP. Berikut merupakan pencapaian anak-anak syarikat PKNP pada tahun 2019 berbanding dengan tahun sebelumnya :-

Anak Syarikat	Pendapatan (RM 'Juta)		Untung/Rugi (RM 'Juta)	
	2019	2018	2019	2018
RTSB	4.47	6.70	(1.77)	2.10
BCIC	1.30	1.03	0.03	(0.08)
RTDE	8.25	28.45	1.27	9.60
PKNP AGRO	8.16	6.67	(1.48)	(1.22)
PKNP MINERAL	0.92	0.87	0.56	0.39
RASB	0.72	0.59	0.095	0.014

Prospek dan Perancangan Masa Depan

PKNP akan meneruskan usaha-usaha untuk memperkasakan sektor perindustrian dan perbandaran negeri yang menjadi pemangkin (catalyst) kepada pertumbuhan aktiviti ekonomi menerusi peluang pekerjaan dan keusahawanan.

Sektor Perladangan Kelapa Sawit

Penglibatan PKNP di dalam sektor perladangan adalah melalui anak syarikatnya iaitu PKNP Agro-Tech SB yang memajukan tiga (3) buah ladang terletak di Ganchong, Jerantut dan Sembayan. Ladang di Ganchong telah mula mengeluarkan hasil manakala ladang di Jerantut dan Sembayan masih di peringkat penyelenggaraan.

Sektor Perlombongan

PKNP melalui anak syarikat, PKNP Mineral Industries Sdn Bhd telah menceburi sektor perlombongan dengan sebanyak enam (6) lombong yang sedang aktif beroperasi iaitu (1) satu di Chini, (2) dua di Sungai Lembing, (2) dua di Lipis, (1) satu di Bukit Ibam, (1) satu di Sungai Koyan dan (1) satu di Ulu Lepar.

Prospek & Perancangan Masa Depan

Bagi tempoh **2019 - 2026**, PKNP juga telah menetapkan **Perancangan Strategik jangka panjang** untuk memberi fokus kepada pelaksanaan strategi-strategi berikut:-

- Memantapkan penerokaan bisnes baru secara strategik serta mewujudkan Kumpulan PKNP yang tinggi daya saing;
- Memperkukuhkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan dan aset organisasi;
- Meningkatkan hasil jualan, sewaan dan pajakan aset hartanah;
- Memantapkan profesionalisme perancangan dan pengurusan pembangunan hartanah;
- Membudayakan integriti dan mengukuh pematuhan terhadap dasar dan prosedur organisasi;
- Mempunyai sistem penyampaian serta proses kerja bernilai tambah dan berinovasi;
- Meningkatkan kecekapan kawalan perundangan dan risiko dalam organisasi;
- Meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan melangkaui ekspektasi pelanggan; Memantapkan keupayaan pengurusan harta;
- Memperkasa jenama dan imej organisasi;
- Meningkatkan komitmen organisasi di dalam mendokong dan melaksana agenda kerajaan negeri;
- Membangunkan komuniti usahawan dan produk niaga yang kreatif, berdaya saing tinggi dan kompeten; dan
- Memperkasa kompetensi dan kesiagaan modal insan organisasi.

Prestasi Kewangan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, PKNP telah mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai sebanyak RM 34.84 juta berbanding dengan pencapaian sebanyak RM 6.78 juta bagi tahun sebelumnya. Manakala di peringkat kumpulan PKNP mencatatkan keuntungan RM30.35 juta berbanding pada tahun 2018, kerugian sebanyak RM 1.85 juta. Secara ringkas, kedudukan kewangan PKNP dan Kumpulan bagi tahun 2019 dan 2018 adalah seperti di bawah:

Ringkasan Penyata Pendapatan bagi tahun 31 Disember 2019

	Kumpulan		Perbadanan	
	2019	2018	2019	2018
	(RM Juta)		(RM Juta)	
Perolehan	125.93	113.21	101.90	77.12
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	52.18	2.20	55.96	9.80
Cukai	(19.93)	(4.05)	(19.22)	(3.02)
Zakat	(1.90)		(1.90)	
Keuntungan/(kerugian) Bersih tahun semasa	30.35	(1.85)	6.78	6.78



Penghargaan

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khususnya kepada Ahli - ahli perbadanan, Pihak pengurusan PKNP dan seluruh anggota pekerja Kumpulan PKNP yang menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, berintegriti dan dedikasi sepanjang tahun 2019.

Saya berharap bagi tahun 2020, semua pihak akan terus mengekalkan momentum ini dan lebih komited demi kelangsungan dan kecemerlangan PKNP pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY WAN ISMAIL
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.**

*Pengerusi
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang.*

AHLI-AHLI PERBADANAN



YAB. Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail
SSAP, DSAP, DIMP, SMP, AMP.



YB. Setiausaha Kerajaan Pahang
Dato' Sri Muhammad Saifan bin Ismail
SSAP, SMP, DSAP, DIMP, PUN, AAP, AMP.



YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang
Dato' Sri Shamsulbahrin bin Haji Ibrahim
SSAP, DSAP, AMP.



YB. Pegawai Kewangan Negeri Pahang
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan bin Harun
SIMP, DSAP, DIMP, SMP.



Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang
YH. Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar
SIMP, DSAP, DIMP, SMP.



(Perantikan Melalui Seksyen 4(1)(e) Enakmen PKNP (Pindaan 1990))
YH. Dato' Sri Kamaruddin bin Mohammed
SSAP, DSAP, DIMP.



Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Awam Kementerian Kewangan Malaysia
Encik Ahmad Suhaimi bin Endut



Timbalan Ketua Setiausaha (Industri) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
YBhg. Datuk K. Talagavathi A/P R. Karapayyah
P.M.W.



Pengarah Urusan DWA Advisory Sdn. Bhd.
YH. Dato' Wan Asmadi bin Wan Ahmad




Timbalan Pengarah Bahagian Penyelarasan, Kawalan & Pemantauan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
Puan Rosmayuzi binti Musa




Ketua Pegawai Eksekutif PKNP
Encik Mohd Faizal bin Jaafar
SMP, AAP.

CARTA ORGANISASI



PENGURUSAN PKNP (AHLI PERBADANAN)



LAPORAN PENGURUSAN

Laporan Pengurusan bagi tahun 2019 mengikut sektor

1.0 PERINDUSTRIAN

- 1.1 Ekonomi negara berkembang 4.5% pada suku pertama 2019 dalam keadaan persekitaran global yang mencabar.
- 1.2 Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) keseluruhan pada suku pertama 2019 merekodkan peningkatan secara sederhana, 4.5% (S4 2018:4.7%). Peningkatan ini didorong oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang.
- 1.3 Pada suku kedua 2019, nilai KDNK telah meningkat pada angka 4.9% (S1:4.5%) didorong oleh permintaan dalam negeri dan semua sektor ekonomi terus berkembang. Pada suku ketiga 2019, KDNK berkembang 4.4%, merekodkan pertumbuhan dalam negeri dan sektor ekonomi utama yang lebih perlahan. Pada suku keempat 2019, KDNK berkembang 3.6%, disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi.
- 1.4 Bagi keseluruhan tahun 2019, ekonomi negara mencatat pertumbuhan sebanyak 4.3% berbanding 2018 dengan pertumbuhan pada kadar 4.7%. Penyusutan pertumbuhan ekonomi keseluruhannya diimbangi oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan yang mana telah membuktikan keyakinan pelabur terhadap sistem ekonomi Malaysia pada ketika ini.
- 1.5 Secara keseluruhannya, dalam cabaran pertumbuhan ekonomi yang perlahan ketika ini, usaha-usaha berasaskan strategi industrialisasi yang *outward-looking* dan produktif dipergiatkan bagi memastikan Negeri Pahang terus menjadi destinasi pelaburan ideal bagi menjalankan aktiviti perkilangan.
- 1.6 Strategi pemasaran diperkemaskan dan lebih tertumpu kepada mengenalpasti serta mempromosi kawasan-kawasan perindustrian yang baharu dan kurang membangun seperti Kawasan Perindustrian Rompin, Kawasan Perindustrian Kechau Tui, Lipis dan lain-lain.
- 1.7 Kerajaan negeri mengambil langkah yang proaktif dengan mengatur misi pelaburan ke luar negara secara berkala sebagai usaha untuk memperkenalkan Negeri Pahang dan menyuaipadankan pelaburan-pelaburan syarikat asing untuk ditempatkan di Negeri Pahang.

2.0 DATA-DATA PELABURAN 2019

2.1 Data-data statistik kelulusan lesen pengilang yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) bagi tempoh **1987 – 2019** adalah seperti berikut :-

- a) Kelulusan Projek perkilangan = **627 projek**
- b) Nilai Pelaburan Keseluruhan = **RM 57.95 billion**
(Pelaburan Tempatan : RM 11.30 billion)
(Pelaburan Asing : RM 46.65 billion)
- c) Peluang pekerjaan diwujudkan = **90,241 orang**

* Rujuk perincian di *Lampiran I*

2.2 Sepanjang tempoh **Januari – Disember 2019**, bilangan projek yang telah mendapat kelulusan lesen pengilang oleh MITI di Negeri Pahang adalah sebanyak **25 projek** dengan jumlah nilai pelaburan berjumlah **RM 1.75 billion**. Jumlah anggaran tenaga kerja yang akan diwujudkan adalah seramai **1,602 orang**.

2.3 Daripada jumlah tersebut, nilai pelaburan langsung domestik (DDI) adalah sebanyak **RM 0.93 billion** manakala nilai pelaburan langsung asing (FDI) adalah bernilai **RM 0.82 billion**.

3.0 NILAI PELABURAN ASING DI NEGERI PAHANG

3.1 2019 (bermula dari tahun 1987), jumlah pelaburan asing untuk aktiviti perkilangan di Pahang adalah sehingga RM 36.78 billion. Angka ini adalah berdasarkan kepada projek-projek yang beroperasi dan yang diluluskan tapak di Negeri Pahang mengikut rekod dan data yang dikumpul oleh MIDA.

3.2 Bagi tahun 2019 (September), terdapat enam belas (16) pelaburan dari negara asing di Pahang seperti mana berikut :-

Negara Asing	Bil Projek	Nilai (RM' bill)
China	3	0.290
Singapura	2	0.064
Hong Kong	1	0.270
Jepun	3	0.100
United States	1	0.050
Lain-lain	6	0.047
JUMLAH	16	0.821

Sumber: MIDA sehingga Disember 2019

3.3 Senarai terkini pelabur bagi **Negara-Negara Asing** di Negeri Pahang boleh dirujuk di **Lampiran II**.

4.0 PERSPEKTIF PELABURAN DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN 2019

Kelembapan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2019 dipengaruhi suasana ekonomi global yang mencabar berikutan kesan perang perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China terhadap perdagangan antarabangsa.

Selaras dengan itu, kerajaan telah mengambil langkah strategik dengan mengukuhkan aktiviti ekonomi domestik sebagai langkah segera untuk menyokong dan mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi.

Namun begitu, selaku agensi pelaburan penting di Malaysia, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) optimis bahawa Malaysia akan terus menjadi destinasi yang mampu menarik pelaburan dari China walaupun negara berkenaan merekodkan pelaburan yang rendah pada tahun ini.

Kenyataan ini disokong dengan rekod statistik daripada MIDA yang mana pelaburan China ke Malaysia adalah separuh daripada US\$3.4 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama 2019 berbanding tahun sebelumnya.

China telah menjadi rakan dagang utama ASEAN untuk 10 tahun berturut-turut manakala ASEAN telah menjadi rakan dagang ketiga terbesar China selepas Kesatuan Eropah dan AS selama lapan tahun berturut-turut.

4.1 Program Promosi Pelaburan di Negeri Pahang 2019

Usaha - usaha mempromosi tanah industri terus dipertingkatkan melalui penyediaan infrastruktur yang lebih kondusif dengan memberi keutamaan kepada kerja - kerja menaik taraf infrastruktur sedia ada di kawasan-kawasan perindustrian di Negeri Pahang.

4.1.1 Taman Perindustrian Nasional Pertama di Malaysia - Taman Perindustrian Malaysia – China Kuantan (MCKIP)

Projek Taman Perindustrian Malaysia–China Kuantan (MCKIP) telah berkembang menjadi pemacu ekonomi yang penting di negeri ini. Pelaburan di atas tanah seluas 2,733 ekar dilaksanakan dalam tiga fasa (Fasa 1: 1,133 ekar), MCKIP Fasa 2: 1,000 ekar dan MCKIP Fasa 3: 600 ekar).

Bagi MCKIP Fasa 1, pelabur utama iaitu Alliance Steel Sdn Bhd telah menjalankan pengeluaran percubaan dengan kapasiti pengeluaran produk antara 25% - 50% dan dijangka memulakan pengeluaran sepenuhnya pada suku keempat 2019 dengan kapasiti 3.5 juta tan setahun.

Projek ini telah menawarkan peluang pekerjaan kepada **5,037** orang yang mana **3,132** orang adalah rakyat tempatan manakala **1,905** orang adalah pekerja asing yang mana majoriti pekerja asing ini akan dihantar pulang setelah kerja-kerja pembinaan selesai.

MCKIP Fasa 2 dan MCKIP Fasa 3 sedang mempergiatkan usaha untuk menempatkan pelabur baharu iaitu Syarikat Maxtrex Tyres (M) Sdn Bhd yang menjalankan aktiviti pembuatan tayar sedang menjalankan kerja-kerja tanah bagi pembinaan kilang di sebahagian tapak di MCKIP Fasa 2.



Taman Perindustrian Nasional Malaysia - China Kuantan (MCKIP)

4.1.2 Projek Menaiktaraf Kawasan Pelabuhan Kuantan

(a) Projek Terminal Laut Dalam Pelabuhan Kuantan (NDWT)

Usaha - usaha menaiktaraf sedang giat dijalankan yang mana Fasa 1A dan 1B projek NDWT yang melibatkan pembinaan penahan ombak sepanjang 4.63km serta pembinaan lembangan laut berkedalaman 16 meter yang turut meliputi pembinaan jajaran sepanjang 600 meter serta 25 hektar *dry bulk yard* telahpun siap sepenuhnya dan telah mula beroperasi pada pertengahan 2019.

Fasa 2 melibatkan pembinaan sambungan dermaga sepanjang 1km, kerja-kerja mendalamkan air sedalam 18 meter serta pembinaan terminal kontena seluas 47 hektar dan pembangunannya dilaksanakan berdasarkan keperluan kapasiti dan permintaan pada masa depan.

(b) Projek pembangunan infrastruktur luar di Pelabuhan Kuantan

Projek pembangunan infrastruktur luar oleh Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) yang masih berbaki pada ketika ini adalah Pakej 3B Kuantan Port Link yang melibatkan pembinaan jalan perhubungan ke Lebuhraya Pantai Timur (LPT) melalui Perasing, Terengganu. Kemajuan kerja dianggarkan 75% dan dijangka siap sepenuhnya menjelang suku ketiga 2020.

4.1.3 Tanjung Agas Maritime Park (TAMP), Pekan, Pahang

Bekalan elektrik interim pertama berkapasiti 35.6MW serta pembangunan sistem bekalan air di bawah projek Loji Air Ganchong Fasa 3A oleh Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) telah 100% disiapkan pada awal Februari 2020.

Pada ketika ini, PKNP sedang giat melengkapkan sistem perpaipan di dalam kawasan projek TAMP dan sebaik siap projek ini bersedia untuk menerima kemasukan para pelabur. PKNP bersama-sama dengan pihak pemaju akan terus menerus mempromosi projek TAMP ini melalui misi-misi pelaburan di dalam dan luar negara, membangunkan Laman Web TAMP serta lain-lain medium yang bersesuaian.



Antara projek di Tanjung Agas Maritim Park (TAMP)

4.1.4 Projek Laluan Keretapi Pantai Timur - East Coast Railway Link

Projek Laluan Keretapi Pantai Timur (ECRL) merupakan projek infrastruktur landasan keretapi yang menghubungkan pantai barat Semenanjung Malaysia dengan sebelah pantai timur. Ianya melibatkan jajaran dari Pelabuhan Klang di pantai barat Semenanjung Malaysia ke Pelabuhan Kuantan di pantai timur dan seterusnya berakhir di Tumpat, Kelantan.

Di Negeri Pahang, sebanyak tujuh (7) stesen telahpun dikenalpasti untuk dibangunkan antaranya Mentakab, Maran, Gambang, KotaSAS, Kuantan Port City 1, Kuantan Port City 2 dan Cherating.

Dengan jumlah kos RM44 bilion, projek sepanjang 640km ini akan disasarkan siap pada Disember 2026.

4.2 Peranan PKNP selaku Agen Promosi Sektor Perkilangan di Negeri Pahang

4.2.1 Sepanjang tahun 2019, promosi atas talian menggunakan aplikasi Portal OSA PKNP (www.investinpahang.gov.my) telah berjaya mencatatkan pelawat seramai **328,302** orang pelawat daripada 90 buah negara. Ianya telah menunjukkan peningkatan pelawat sebanyak 12.9% dalam tempoh setahun.

4.2.2 PKNP dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk memperbaiki mutu perkhidmatan bagi meningkatkan imej organisasi dalam kalangan para pelabur. Selaku Peneraju Pusat Hentian Setempat (**One Stop Agency**) dalam Sektor Perkilangan Negeri Pahang, PKNP komited untuk membantu mempercepatkan urusan-urusan yang berkaitan dengan aktiviti pelaburan para pelabur melalui sesi perbincangan atau mengatur mesyuarat dengan jabatan/agensi teknikal Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi.

Selain itu, PKNP turut serta dalam program-program yang melibatkan pelabur di peringkat kerajaan negeri termasuk menyertai misi-misi perdagangan di dalam dan luar negara.

Dalam usaha untuk meningkatkan hubungan korporat antara kerajaan negeri, PKNP dan pelabur, beberapa aktiviti dirangka untuk diadakan pada tahun 2020 antaranya adalah Forum Pelaburan dan Festival Pahang 2020 serta penganjuran Kejohanan Golf Hari Mesra Pelabur.

Lampiran I

BILANGAN PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN OLEH MITI DI NEGERI PAHANG DARI 1987- 2019			
Tahun	Bil Projek	Peluang Pekerjaan	Nilai Pelaburan (RM Juta)
1987	7	3,540	177.1
1988	21	9,501	672.3
1989	14	2,828	848.6
1990	18	3,616	517.0
1991	11	3,748	130.4
1992	12	1,807	811.9
1993	14	2,029	1,541.3
1994	18	7,275	561.4
1995	19	2,420	423.7
1996	26	3,374	1,718.5
1997	21	2,562	3,066.2
1998	30	2,331	2,462.5
1999	14	2,599	328.2
2000	25	2,362	2,830.4
2001	22	2,645	347.2
2002	13	701	271.3
2003	17	2,476	925.4
2004	18	1,571	994.7
2005	18	1,870	2,203.17
2006	33	1,680	1,792.56
2007	28	1,467	1,563.76
2008	23	2,441	1,080.80
2009	17	943	604.8
2010	13	745	1,038.7
2011	25	1,392	3,037.9
2012	16	1,850	2,091.1
2013	17	1,378	2,818.8
2014	18	4,295	5,200.4
2015	12	477	1,073.0
2016	19	1,328	883.1
2017	19	5,041	2,962.0
2018	15	4,630	8,028.4
2019	34	3,319	4,943.0
JUMLAH	627	90,241	57,949.5

Sumber: MIDA sehingga Disember 2019

Lampiran II

NILAI PELABURAN ASING YANG DILULUSKAN SEHINGGA 1987 – 2019			
NEGARA ASING	BIL PROJEK*	NILAI PROJEK (RM' JUTA)	JUMLAH PEKERJAAN
GERMANY	36	5,388.79	4,110
UNITED KINGDOM	26	686.4	2,333
USA	32	3,728.6	3,396
JAPAN	66	3,440.56	7,827
NORWAY	3	234.2	322
SINGAPORE	54	628.8	8,706
BELGIUM	1	8.8	90
TAIWAN	34	407.8	10,767
CHINA	30	14,123.5	10,862
SWITZERLAND	3	125.8	290
FRANCE	5	16.8	408
SWEDEN	3	5.01	218
RUSSIA	1	12.0	81
LIECHTENSTEIN	3	107.5	373
NETHERLANDS	14	467.8	581
THAILAND	5	32.1	264
KOREA	17	345.18	1,546
AUSTRALIA	17	700.9	1,348
INDIA	12	356.3	1,342
EGYPT	1	14.2	150
ITALY	15	184.9	1,282
CAYMEN ISLAND	1	7.6	192
PAKISTAN	1	0.98	24
BRITISH VIRGIN ISLAND	2	872.5	404
NEW ZEALAND	1	1.6	20
SRI LANKA	2	20.3	897
INDONESIA	6	439.7	1,214
CANADA	6	89.3	474
DENMARK	2	15.1	160
HONG KONG	20	1,672.08	10,599
FINLAND	2	195.2	238
IRAN	1	7.3	22
LUXEMBOURG	1	14.5	33
TURKEY	1	17.14	218
UNITED ARAB EMIRATES	2	44.2	132
REPUBLIK KESATUAN SLOVAK	1	8.4	95
LAIN-LAIN NEGARA	65	11,304.72	9,742
JUMLAH	492	47,924.75	82,152

Sumber: MIDA sehingga September 2019

2.0. SEKTOR HARTANAH

2.1 Projek Komersial

Pada tahun 2019, PKNP meneruskan pembinaan Projek Perumahan Chemperoh Fasa 1 di Kampung Janda Baik, Bentong yang mengandungi 71 unit rumah. Tiga (3) projek yang sepatutnya dilaksanakan pada 2019 iaitu Perumahan Berchang, Tanjung Lumpur (Riverie) dan juga Perumahan Kemunting ditangguhkan bagi urusan penyelesaian isu tanah terlebih dahulu. Status dan pencapaian projek-projek bagi tahun 2019 adalah sepertimana jadual di bawah :-



Projek Perumahan Chemperoh di Janda Baik, Bentong



Projek Perumahan Chemperoh Fasa I

Bil	Cadangan Projek	Komponen Pembangunan	Jumlah Unit	Status 2018
1.	Perumahan Chemperoh Fasa I	Rumah Teres Berkembar & Teres Setingkat	71 unit	Projek dalam pembinaan dan masih dalam tempoh kontrak. Kemajuan kerja sehingga tahun 2019 telah mencapai 72.96%.
2.	Perumahan Berchang Fasa I, Lipis	Teres Setingkat	21 unit	Perlaksanaan projek ditangguhkan untuk penyelesaian isu tanah dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2020.
3.	Perumahan Jerantut Fasa 2A	Rumah Teres - 45 unit Rumah Teres Kos Sederhana Rendah - 42 unit	87 unit	Perlaksanaan projek ditangguhkan dan akan dilaksanakan setelah Perumahan Jerantut Fasa 1 PAKEJ 2 habis dijual.
4.	Riverie / Tanjung Lumpur	Apartment (Penjawat Awam) Rumah Teres Rumah Berkembar Rumah Sesebuah	-	Dalam Proses Kelulusan Tanah kepada PKNP projek. Akan dimulakan setelah keputusan dasar berkaitan kelulusan tanah diperolehi daripada MMK.
5.	Kemunting	Perumahan Penjawat Awam	-	Dalam proses kelulusan tanah kepada PKNP. Projek akan dimulakan setelah keputusan dasar berkaitan kelulusan tanah diperolehi daripada MMK.
JUMLAH			179	

2.2 Projek Usahasama

Pada tahun 2019, empat (4) cadangan projek perumahan yang pada awalnya merupakan projek di bawah Program Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) telah ditangguhkan berikutan polisi baharu Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, projek ini telah diteruskan melalui projek usahasama sepertimana kaedah biasa antara PKNP dan Syarikat Bumiputera yang sama.

Manakala projek Perumahan Bandar Baru Chendor dalam daerah Kuantan dan projek Perumahan Muadzam Shah - UNITEN di Rompin telah dimuktamadkan untuk diteruskan secara usahasama pada tahun 2019.

Status bagi keempat-empat projek untuk cadangan usahasama tersebut adalah sepertimana jadual di bawah :-

Bil	Cadangan Projek	Komponen Pembangunan	Unit	Status 2019
1.	Perumahan Bandar Baru Chendor 22.288 Ek	Rumah Sesebuah Rumah Berkembar Rumah Teres 1 Tingkat Rumah Teres 2 Tingkat	170	Dalam proses memuktamadkan perjanjian usahasama
2.	Perumahan Muadzam Shah - Uniten 10.38 Ek	Rumah Sesebuah 1 Tingkat Pencawang Elektrik	30 1	Dalam proses memuktamadkan perjanjian usahasama
3.	Perumahan Cameron Highland 21 Ekar	-	-	Projek ditangguhkan
4.	Perumahan Chamang, Bentong	-	-	Projek ditangguhkan
JUMLAH			201	

2.2 Projek Sosio-Ekonomi

Bagi meneruskan agenda pembangunan negara, dalam tahun 2019 PKNP telah melaksanakan pembangunan dua (2) projek di bawah geran peruntukan daripada kerajaan pusat melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) yang mana telah diluluskan pada tahun 2018 dan status projek-projek tersebut adalah sepertimana berikut :-

Bil	Nama Projek	Komponen Pembangunan	Bil Unit	Status 2019
1.	Kedai Desa Rakyat Kuala Kerdau	Kedai	6	Projek dalam pembinaan dan kemajuan projek telah mencapai 90%
1.	Bengkel Rakyat Beserah	Bengkel	4	Projek dalam pembinaan dan kemajuan projek telah mencapai 61%



Bengkel Rakyat Beserah



Kedai Desa Rakyat Kuala Kerdau

3.0 SEKTOR PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN KEUSAHAWANAN

Fokus utama sektor ini adalah untuk menjayakan dasar kerajaan bagi membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) serta meletakkan kepentingan masyarakat luar bandar khususnya B40 melalui pelaksanaan program pembangunan komuniti.

Selari dengan Pelan Strategik PKNP, aktiviti lebih tertumpu kepada mengenalpasti, membimbing dan membantu meningkatkan pengetahuan pengurusan dan kemahiran para usahawan bumiputera melalui penyediaan program yang terancang dan bersepadu.

Sepanjang tahun 2019, PKNP telah melaksanakan pelbagai aktiviti keusahawanan antaranya:-

a. Program Transformasi Keusahawanan PKNP (Transpreneur 40)

Seramai 40 orang usahawan telah dipilih sebagai peserta di bawah Program Transformasi Keusahawanan PKNP. Beberapa program telah dilaksanakan seperti Transpreneur 40 - *Coaching & Monitoring (Master Your Own Business)*. Selain itu usahawan dan transpreneur dikehendaki menghadiri pelbagai program yang dianjurkan oleh agensi atau rakan strategik keusahawanan sekitar Pahang. Transpreneur 40 adalah pemilikan usahawan untuk dibimbing dalam setahun daripada senarai sahabat usahawan PKNP.

b. Latihan Keusahawanan

PKNP turut mempergiatkan aktiviti pembangunan keusahawanan secara kerjasama pihak luar ataupun anjuran PKNP sendiri. Program-program ini adalah berbentuk kursus, bengkel keusahawanan, seminar, sesi diskusi peluang niaga dan karnival jualan dan sasaran adalah kepada bakal usahawan, peniaga atau penyewa premis PKNP dan kontraktor. Sebanyak 10 program telah diadakan sepanjang 2019.

c. Program Pembangunan Komuniti

PKNP tetap meneruskan agenda pembangunan komuniti melalui program-program berbentuk kemasyarakatan untuk mewujudkan hubungan yang erat dengan masyarakat secara jalinan kerjasama dengan pihak KEMAS, Kolej Komuniti dan Giat Mara. Antara program yang telah berjaya dilaksanakan dalam tahun 2019 adalah Program Insken Bisnes Outreach, ceramah usahawan, Kursus Quickwin Senitangan, Bengkel Rancangan Perniagaan & Komunikasi Berkesan dan Kursus Quickwin Kepentingan Akaun.



Program PKNP bertemu usahawan

d. Program Pembangunan Akuapreneur Muda

PKNP telah meneroka peluang baharu dalam bidang penternakan Lobster Air Tawar (LAT) dengan mengadakan kerjasama dengan syarikat pengusaha. Seramai 11 orang peserta telah menyertai program ini bermula pada Disember 2018. Program ini dipantau secara berkala oleh PKNP dan pihak syarikat. Beberapa program latihan lanjutan dan sesi permantauan telah dijalankan sepanjang 2019. Program "Hobi Yang Menjana Pendapatan" ini adalah projek perintis untuk ditawarkan kepada golongan B40.

e. Program Pembangunan Usahawan Tenun

Dalam tahun 2019, PKNP telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM200,000.00 untuk melaksanakan sesi bimbingan dan latihan khusus untuk pengusaha-pengusaha Tenun Pahang Diraja di Kompleks Pengembangan Tenun Pahang Diraja Sultan Haji Ahmad Shah Kampung Soi, Kuantan. Inisiatif ini adalah selaras dengan agenda PKNP untuk memperkasakan lagi pengeluaran Tenun Pahang Diraja.

Berikut adalah perincian 14 program telah dilaksanakan melibatkan 1,471 orang penyertaan melalui penganjuran PKNP dan penganjuran bersama Rakan Strategik, NGO serta Kerajaan Negeri Pahang:-

Program Anjuran PKNP (Program Transformasi Keusahawanan PKNP)

Bil	Program	Tarikh	Penyertaan
1.	Kursus Lanjutan Penternakan Lobster Air Tawar (LAT)	13 Januari 2019	11
2.	Taklimat bersama bakal penyewa di Medan Niaga	06 Mac 2019	12
3.	Taklimat Tindakan Susulan Program Akuapreneur Siri 1/2019	15 Mac 2019	6
4.	Kursus Teknik Super Cepat Besar LAT Program Akuapreneur Siri 1/2019	22 April 2019	11
5.	Master Your Own Business (MYOB)	27 Mei 2019	13
6.	Program Ramah Mesra Bersama Peniaga KDM	1 Oktober 2019	40
7.	Majlis Perjumpaan Exco Kerajaan Tempatan & Perumahan Pahang bersama Peniaga Melayu Kompleks Teruntum	6 November 2019	20
8.	Program Taklimat Peluang Perniagaan Dalam Industri Umrah & Haji	14 November 2019	24

Program Kerjasama dengan Pihak Luar

Bil	Program	Tarikh	Penyertaan
1.	Program Inskan Bisnes Outreach	14 November 2019	1,000
2.	Program Ceramah Usahawan	4 Julai 2019	53
3.	Program Meet & Match	18 Julai 2019	217
4.	Kursus Quickwin Senitangan di Bt. Sekilau	19 Julai 2019	20
5.	Bengkel Rancangan Perniagaan & Komunikasi Berkesan	24 -25 Julai 2019	24
6.	Kursus Quickwin Kepentingan Akaun	8 Ogos 2019	20

4.0. SEKTOR PELABURAN

Sektor ini terus diperkasakan sebagai langkah untuk mempelbagaikan lagi aktiviti yang dapat menjana kepada sumber pendapatan kepada PKNP. Sepanjang tahun 2019, tumpuan PKNP adalah kepada pelaksanaan projek-projek sepertimana berikut:

4.1 Penswastaan

Dalam tahun 2019, aktiviti ini telah menyumbang sebanyak RM3.4 juta kepada PKNP melalui Perlombongan, Perniagaan & Hotel Bajet, Penanaman Kelapa Sawit, Kilang Pemprosesan Serbuk Ikan, dan Ternakan Akuakultur.

4.2 Perlombongan PKNP

Pada tahun 2019, kutipan bagi projek perlombongan adalah sebanyak RM3.6 juta dan ianya melebihi dari bajet kutipan yang disasarkan sebanyak 122%. Sebanyak enam (6) lombong yang sedang aktif beroperasi iaitu (1) satu di Chini, (2) dua di Sungai Lembing, (1) satu di Bukit Ibam, dan (1) satu di Sungai Koyan, dan (1) di Ulu Lepar.



SektorPerlombongan menyumbang kepada pendapatan PKNP

4.3 Perladangan

Berdasarkan keadaan pasaran pada masa kini, pelaburan dalam bidang pertanian/perladangan khususnya penanaman kelapa sawit dilihat berpotensi tinggi untuk diceburi. Selaras itu, PKNP telah memberi tanggungjawab kepada anak syarikatnya PKNP-Agro Tech Sdn. Bhd. untuk

melaksanakan aktiviti penanaman sawit di atas tanah seluas 25,770 ekar yang melibatkan kawasan-kawasan berikut:-

Projek	Lokasi	Keluasan (ek)	Status
Ladang Mukim Ganchong	Ganchong, Pekan	4,770	Tuaian & penyelenggaraan
Ladang Mukim Hulu Tembeling	Sg. Rembir, Jerantut	20,000	Pembersihan & Penanaman
Ladang Rompin	Kg. Sembayan Rompin	1,000	Penyelenggaraan

4.4 Prestasi Anak-anak Syarikat

4.4.1 Realistic Attraction Sdn. Bhd.

RASB mencatatkan keuntungan bersih bagi tahun 2019 sebanyak RM30,000.00 melebihi yang disasarkan iaitu RM2,000.00 manakala produk yang berjaya dihasil sebanyak 251 meter kain tenunan pada setiap bulan berbanding sasaran iaitu 250 meter/bulan.



Kain tenun produk Realistic Attraction Sdn Bhd

4.4.2 BCIC Holdings Sdn Bhd

Pada tahun 2019, syarikat telah mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM30,000.00 dan menunjukkan prestasi yang amat baik setelah empat tahun berturut-turut mencatatkan kerugian. Kejayaan ini didorong melalui program/aktiviti pengendalian pakej perkahwinan, penganjuran kursus dan seminar, penyewaan penginapan, pengurusan program dan penyewaan peralatan.



Pakej perkahwinan di Kompleks Dagangan Mahkota diuruskan oleh BCIC Holdings Sdn Bhd

4.4.3 PKNP Mineral Sdn Bhd

Syarikat menunjukkan prestasi yang amat baik dalam tahun 2019. Dari perspektif kewangan, pencapaian adalah melebihi sasaran bajet tahunan apabila syarikat mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM558,000.00 berbanding yang disasarkan sebanyak RM521,000.00. Peningkatan ini adalah sebanyak 107%. Syarikat telah menerima kutipan lombong sebanyak RM792,000.00 melebihi sasaran sebanyak RM650,000.00.

4.4.4 PKNP Agro-Tech Sdn Bhd

Pada tahun 2019, pencapaian keuntungan kasar syarikat adalah sebanyak 71% iaitu RM2.01 juta berbanding dengan sasarannya iaitu sebanyak RM2.85 juta. Sehingga tahun 2019, keluasan ladang telah mengeluarkan hasil adalah seluas 1,264 hektar manakala pembukaan ladang baharu seluas 1,042 hektar.

4.4.5 RT Development & Engineering Sdn Bhd

Keuntungan bersih Syarikat pada tahun 2019 adalah RM1.27 juta melebihi sasaran bajet tahunan mereka iaitu sebanyak RM900,000.00. Secara keseluruhan prestasi kewangan syarikat adalah baik. RTDE telah berjaya menyiapkan Projek Oasis di Bandar Indera Mahkota dan Peramu Permai Fasa 2B pada bulan September 2019. RTDE telah mengadakan pelancaran pembangunan Projek Seberang Balok pada April 2019.



Projek Oasis di Bandar Indera Mahkota, Kuantan

4.4.6 Rumpun Timur Sdn Bhd

Dalam tahun yang dinilai, pendapatan RTSB adalah sebanyak RM4.6 juta. Pendapatan ini diperolehi melalui jualan ayam proses sejumlah 1.5 juta ekor yang merupakan aktiviti utama syarikat. Dalam tahun 2019, RTSB adalah berjaya mendapatkan sijil halal bagi ayam proses keluaran mereka. Dengan adanya sijil halal ini, syarikat berpotensi untuk pergi jauh pada masa yang akan datang.

5.0. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Struktur Organisasi PKNP telah disusun semula berkuatkuasa 16 Julai 2019 yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, seorang (1) Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, seorang (1) Setiausaha Perbadanan, tiga belas (13) orang Pengurus Bahagian/Unit. Penstrukturan ini dilaksanakan berikutan perantikan Encik Mohd Faizal bin Jaafar selaku Ketua Pegawai Eksekutif PKNP yang baharu pada 1 Mac 2019.

Carta Organisasi PKNP adalah seperti di Lampiran 1.

Sehingga Disember 2019, bilangan keseluruhan anggota pekerja seramai 139 orang dengan pecahan mengikut kumpulan perkhidmatan; seorang Pengurusan Atasan, 38 orang Kumpulan Pengurusan & Profesional manakala Kumpulan Pelaksana seramai 100 orang

Sepanjang tahun 2019, PKNP telah melantik seramai sebelas (11) orang anggota pekerja baharu lantikan tetap dan seramai sembilan (9) orang anggota pekerja telah bersara paksa/pilihan.

Bagi memantapkan pengurusan PKNP berikutan struktur dan Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) baru seramai 12 orang anggota pekerja telah dinaikkan pangkat manakala seorang anggota pekerja telah menerima tawaran tukar lantik ke pelbagai jawatan/gred.

Berdasarkan prestasi tahunan 2019, seramai 10 orang anggota pekerja telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan dua orang anggota pekerja menerima Insentif Perkhidmatan 25 Tahun pada Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah pada 25 April 2019.



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019

PKNP telah membelanjakan sebanyak RM205,144.59 sepanjang tahun 2019 dengan matlamat untuk melahirkan anggota pekerja yang kompeten, berkemahiran tinggi dan berpengetahuan melalui program-program latihan dan kursus yang disertai sama ada yang dianjurkan secara dalaman atau mengikuti program anjuran pihak luar.

Dalam tempoh ini, PKNP meneruskan lagi lapan (8) siri *Program Managing Leadership Development (MLDP)*. Program ini fokus untuk memperkasa kepimpinan melalui Program Pembangunan Bakat khusus untuk semua Pegawai Kumpulan Pengurusan & Professional.

Selain itu, bagi memantapkan budaya kerja yang berintegriti, PKNP turut memberi penekanan kepada pelaksanaan program-program keagamaan seperti Tazkirah Ramadan, Kuliah Agama dan Kuliah Tafsir Al-Quran dengan matlamat untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan anggota pekerja.



Kuliah Agama dan Kuliah Tafsir Al-Quran

Bagi tahun 2019, PKNP telah mengeluarkan perbelanjaan sebanyak RM106,066.00 untuk rawatan di klinik-klinik panel, RM133,344.34 bagi bayaran Dialisis Yayasan Pusat Hemodialisis/KCDC dan perbelanjaan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) / Hospital manakala sejumlah RM6,422.96 dibelanjakan untuk lain-lain rawatan. Anggota pekerja turut diberi insentif perlindungan insuran perubatan dengan jumlah premium sebanyak RM432,709.30.

Sejak tahun 2009 sehingga 2019, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) PKNP telah dilaksanakan dengan jayanya sebanyak empat (4) kali setahun. Pelaksanaannya menepati sasaran *Key Performance Indicator (KPI)* tahunan Jabatan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

6.0. SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) PKNP telah dinaiktaraf kepada standard baharu SPK Berasas MS ISO 9001:2015 berkuatkuasa 9 Julai 2018 setelah pihak SIRIM menjalankan kerja-kerja pengauditan Pemantauan Semula dan Naiktaraf SPK MS ISO 9001:2015 pada 28 – 29 Jun 2018.



PKNP menggunakan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015

Perlaksanaan SPK berdasarkan MS ISO 9002:1994 di Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang telah bermula sejak 12 Ogos 1997 dan telah dinaiktaraf kepada standard baharu SPK Berasas ISO 9001:2000 pada 7 Disember 2001 seterusnya SPK Berasas ISO 9001:2008 pada 2 November 2009.

PKNP berjaya meneruskan persijilan MS ISO 9001:2015 tanpa syarat setelah Juruaudit SIRIM berpuas hati dengan hasil penemuan Audit Persijilan Semula yang dijalankan ke atas PKNP pada **14 – 15 Oktober 2019**.

Sebelum itu, keberkesanan SPK PKNP diaudit oleh seramai 19 orang Juruaudit Kualiti Dalaman yang terlatih pada **27 – 31 Mei 2019**.

7.0. INOVASI

Amalan Pengurusan Lean yang menekankan elemen inovasi dalam setiap proses kerja terus menjadi budaya kerja dalam kalangan anggota pekerja PKNP. Sebanyak sepuluh (10) projek Pengurusan Lean yang merupakan projek baharu telah dikenalpasti dan diaplikasikan dalam tahun 2019 dan dengan pertambahan ini menjadikan 132 jumlah keseluruhan proses kerja telah diletakkan di bawah Pengurusan Lean.

PKNP menggunakan pendekatan budaya Pengurusan Lean diterapkan dalam kalangan anggota pekerja melalui pelaksanaan aktiviti yang berkesan untuk melahirkan anggota pekerja yang kreatif, efisien dan proaktif. Sepanjang tahun 2019, sebanyak empat (4) program/aktiviti yang dirancang di bawah Jawatankuasa Promosi Pengurusan Lean telah berjaya dilaksanakan.

Orientasi inovasi yang menggunakan pendekatan Pengurusan *Lean* secara *organization-wide* menjadi platform untuk membentuk budaya kerja berprestasi tinggi oleh seluruh warga kerja PKNP.



Antara aktiviti yang dijalankan di bawah Jawatankuasa Promosi Pengurusan Lean

8.0. Prestasi pencapaian ICT PKNP 2019

Pada setengah tahun pertama 2019, program dan aktiviti PKNP tertumpu kepada kerja-kerja Penambahbaikan Maklumat Pendaftaran Jualan Rumah dan kedai, Integrasi e-Banker Bank Islam dengan Sistem eGaji, pelaksanaan eBanker bagi bayaran kepada pembekal (penggunaan cek dihentikan secara berperingkat), Integrasi Sistem SAP Business One kepada Sistem Harta Sewa PKNP serta lain-lain kajian sistem. Projek yang besar melibatkan pelaksanaan *Disaster Recovery Centre* PKNP bertempat di AIMS Data Centre Kuala Lumpur dengan keutamaan kepada *automated backup* dan *recovery* bagi sistem kritikal PKNP.

Untuk tempoh setengah tahun kedua, aktiviti tertumpu kepada kajian pelaksanaan secara *customised* melibatkan Sistem Sewaan Tanah Industri menggantikan proses manual sedia ada dan pembangunan akan diteruskan dalam tahun 2020. Selain itu, peluasan pelaksanaan Sistem HCM dengan penambahan beberapa modul HR yang lain telah dilaksanakan setelah Sistem eGaji PKNP dapat diaplikasi dengan lancar dan stabil. Kajian sistem juga diteruskan untuk pembayaran secara *online* antaranya FPX dan QR Code.

Aktiviti lain yang diteruskan antaranya, senggaraan perkakasan dan sistem telah dilakukan seperti yang dirancang termasuk penyelenggaraan dan penggantian peralatan atau sistem komputer mengikut keperluan dari masa ke semasa, pemantauan ke atas kerja-kerja oleh pihak pembekal, khidmat nasihat kepada bahagian/unit di PKNP dan anak syarikat milik penuh PKNP, keperluan stok *ink* dan *toner*, kemudahan pinjaman notebook serta khidmat sokongan ICT kepada pihak pengurusan dan anggota pekerja PKNP dalam pengurusan majlis yang melibatkan persembahan multimedia.

KALENDAR TAHUN 2019

01
JANUARI

Majlis Jasamu Dikenang Dato' Indera Haji Abdul Rahim bin Mohd Ali pada 10 Januari 2019 di Vistana, Kuantan

Sesi Pembentangan Prestasi KPI Kumpulan PKNP bagi tahun 2018 dan Sesi Pembentangan Prestasi KPI 2018 & Sasaran KPI 2019 pada 17 Januari 2019 di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum

Program Manager Leadership Development (MLDP) - Modul 4: Business Process Improvement pada 22 sehingga 24 Januari 2019 di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum

03
MAC

Sesi Perjumpaan Bersama Ketua Pegawai Eksekutif pada 18 Mac 2019 di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum



Program Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan anjuran PUSPANITA PKNP dengan kerjasama Unit Tabung HTAA & IIUM Medical Centre pada 12 Mac 2019 di Atrium 1, Kuantan Parade

Majlis Makan Malam Kelab Keluarga Kumpulan PKNP pada 20 Mac 2019 di Kompleks Dagangan Mahkota, Bandar Indera Mahkota

Program Manager Leadership Development (MLDP) - Modul 7: Effective Project Management pada 19 Mac 2019 sehingga 21 Mac 2019 di Dewan Seminar EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum

Majlis Persaraan Anggota Pekerja PKNP (Januari - Mac 2019) pada 27 Mac 2019 bertempat di Dewan Utama EDC, Tingkat 3 Kompleks Teruntum



04
APRIL

Project Promotion & Presentation Renewable Resource Industrial Corridor RRIC pada 5 April 2019 bertempat di Tanjung Agas Maritime Park (TAMP), Pekan

Kejohanan Boling Berpasukan Jemputan PKNP 2019 kali ke 6 pada 13 & 14 April 2019 bertempat di Mega Lanes, Megamall Kuantan

Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah Kumpulan PKNP & Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 25 April 2019 bertempat di Kompleks Dagangan Mahkota, Bandar Indera Mahkota



05
MEI

Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Kakitangan Kumpulan PKNP Pahang Berhad Kali Ke 25 pada 5 Mei 2019 bertempat di Kompleks Dagangan Mahkota, Bandar Indera Mahkota

Majlis Berbuka Puasa Anggota Pekerja PKNP Bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada 9 Mei 2019 bertempat di Kompleks Dagangan Mahkota, Bandar Indera Mahkota



06
JUN

Perjumpaan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP Bersama Anggota Pekerja pada 17 Jun 2019 bertempat di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum



12
DISEMBER

Majlis Persaraan Anggota Pekerja PKNP (Julai - Disember 2019) pada 23 Disember 2019 bertempat di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum



Sesi Penyampaian Amanat oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP pada 31 Disember 2019 bertempat di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum



Laporan Dan Penyata Kewangan



SJL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGARA PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**SJL, KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DESEMBER 2019**

SjL Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

